



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

☎: +609-6684111

🌐: www.umt.edu.my

PEJABAT BENDAHARI
BURSAR OFFICE

☎: +609-6684217

✉: pejabat.bendahari@umt.edu.my

Rujukan : UMT/BEND/100-4/8 Jld 5 (3)

Tarikh : 01 Januari 2023

Bersamaan : 08 Jamadilakhir 1444H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y. Bhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2023

BAJET 2023 DAN INISIATIF BELANJA BERHEMAH UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai Bajet 2023 dan Inisiatif Belanja Berhemah Universiti Malaysia Terengganu.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Lembaga Pengarah Universiti melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Kali Ke-81 Bil. 5 Tahun 2022 pada 22 November 2022 telah bersetuju meluluskan bajet UMT sebanyak **RM227.066 juta**. Perincian bajet dan sumber pembiayaan sepertimana Jadual 1 berikut:

Jenis Bajet		Anggaran Belanja (RM)	Sumber Pembiayaan (RM)	
			Geran Kerajaan	Sumber Dalamann
Mengurus:		222,666,000	182,198,400	37,167,600
<i>Operasi</i>	219,366,000			
<i>Dana Khas - Program Strategik</i>	3,300,000			3,300,000
Kolej Kediaman		4,400,000		4,400,000
		227,066,000	182,198,400	44,867,600
			80%	20%

Jadual 1: Perincian bajet dan sumber pembiayaan

- 2.2 Walaupun geran kerajaan sebanyak **RM182.198 juta** telah diluluskan untuk perbelanjaan mengurus universiti, penyaluran geran kerajaan adalah bergantung kepada keadaan ekonomi semasa negara.
- 2.3 Oleh itu, beberapa inisiatif baharu diwujudkan disamping pengekaln inisiatif belanja berhemah yang dilaksanakan sebelum ini.

3. INISIATIF/RASIONALISASI

Lembaga Pengarah Universiti juga bersetuju meluluskan inisiatif/rasionalisasi berikut yang bertujuan untuk mengurangkan penggunaan sumber dalaman universiti:

- i) **penggunakan akaun amanah PTj** bagi menampung belanja operasi dan PTj pertama yang terlibat adalah **Pusat Kesihatan Universiti**;
- ii) **penganjuran *retreat* PTj** yang menggunakan peruntukan akaun amanah PTj adalah dihadkan kepada **sekali untuk tempoh dua (2) tahun**;

- iii) **Yuran Perkhidmatan dinaikkan sebanyak RM50** daripada RM150 kepada RM200/semester bagi pelajar pra siswazah (*Pelaksanaan sesi Oktober 2023/2024*);
- iv) Rasionalisasi Elaun Pentadbiran dan Elaun Gantian Kenderaan;
- v) Manfaat telefon; dan
- vi) Pindaan Kadar Elaun Perbatuan

Nota: Perkara (iv) hingga (vi) - Kekal - pelaksanaan sepertimana tahun 2022

4. PEMAKAIAN

- 4.1 Pekeliling/Surat Pekeliling Bendahari berkaitan belanja berhemah yang dikeluarkan sebelum pekeliling ini masih lagi terpakai.
- 4.2 Inisiatif yang dinyatakan di atas akan disemak kembali semasa sesi semakan semula bajet setengah tahun dengan mengambilkira kedudukan kewangan semasa UMT.

5. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Bendahari ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai pada **01 Januari 2023**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



AZIZAH BINTI HASAN
Bendahari
Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Fail